

Sila semak semula sebelum dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO' SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
DI MAJLIS JAMUAN TEH PELANCARAN MAJALAH
"SINAR JUITA" SEMPENA PIALA PERDANA 1999
DI HOTEL BALROOM EDEN GARDEN
PADA HARI RABU, 25 OGOS 1999
JAM 5.30 PETANG**

Bersyukur ke-hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat saya bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan di Majlis Jamuan Teh ini untuk beramah mesra bersama Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan juga peserta-peserta Kontinjen-kontinjen Kejohanan Badminton Piala Perdana 1999.

2. Saya bagi pihak semua peserta dan penyokong kontinjen-kontinjen yang menyertai kejohanan ini ingin merakamkan ribuan terima kasih saya kepada Kerajaan Negeri Johor khususnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, Menteri Besar Johor yang telah banyak memainkan peranan beliau untuk memastikan Kejohanan Badminton Piala Perdana pada tahun ini berjalan dengan lancar dan sempurna. Saya percaya dan yakin dengan komitmen yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat untuk kejayaan kejohanan ini sudah pasti ia akan membawa nafas baru kepada kejohanan ini pada masa-masa yang akan datang. Komitmen Yang Amat Berhormat sahaja saya rasa belum mencukupi tanpa disertai dengan komitmen yang tinggi dari Yang Amat diHormati Datin Professor Jamilah binti Ariffin selaku Yang Dipertua Juita.

3. Pada petang yang berbahagia ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Juita sempena usaha penerbitan majalah "Sinar Juita" keluaran khas sempena Kejohanan Badminton Piala Perdana 1999. Majalah yang memberi gambaran jelas tentang objektif Juita dan aktiviti-aktivitinya serta sejarah penubuhannya dalam bentuk gambar dan penulisan adalah suatu usaha murni bagi memaklumkan kepada khalayak peranan badan amal ini serta tanggungjawab-tanggungjawab mereka terhadap masyarakat.

4. Penerangan ringkas berkenaan projek-projek penyayangnya iaitu Juitaku Sayang 1 hingga 10 yang menengahkan konsep "Perkongsiian Bijak" antara pihak Kerajaan, Swasta dan Badan-badan bukan Kerajaan adalah satu usaha yang pintar yang diharap dapat dicontohi oleh semua agar kerja-kerja amal yang dirancang dapat mencapai segala objektifnya secara sistematik dan teratur. Sedikit sebanyak maklumat sebegini rupa juga dapat membantu masyarakat agar mereka mampu memperolehi manfaat-manfaat yang boleh disumbangkan oleh pihak Juita secara langsung ataupun tidak langsung.

5. Dengan adanya majalah sebegini rupa, bakat-bakat ahli di dalam bidang penulisan dapat diasah dan di ketengahkan. Sebagai contoh ruangan resipi yang memuatkan hasil kreativiti ahli-ahlinya dapat diterbitkan dan menjadi bahan untuk dikongsi bersama. Selain daripada itu, terdapat juga bahan-bahan ilmiah daripada kajian-kajian berkenaan wanita yang dimuatkan juga di dalam majalah ini yang sedikit sebanyak mampu memberikan pembaca pengetahuan am yang berguna untuk semua.

6. Sesungguhnya usaha penerbitan majalah "Sinar Juita" keluaran khas ini akan menjadi satu bahan bacaan yang dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pembaca.

7. Sebagai mengakhiri ucapan saya ini, suka saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua yang bertanggungjawab menganjurkan Kejohanan Piala Perdana pada tahun ini dan saya berdoa semoga segala usaha murni yang dicurahkan ini akan diberkati Allah Subhanahu wa Ta'ala. Moga-moga Kejohanan Piala Perdana pada tahun ini akan menjadi bahan ingatan yang manis buat masa-masa yang akan datang.
